



**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU**  
**KOLEJ POLY-TECH MARA BATU PAHAT**

## **PENDAFTARAN**

- 1) Saya telah memohon masuk ke Kolej Poly-Tech MARA Batu Pahat. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya menerima tawaran tersebut?**

Terdapat empat (4) langkah mudah bagi bakal pelajar untuk melengkapkan proses pendaftaran:

- a) Semakan permohonan kemasukan di laman web **www.kptm.edu.my => Pelawat => Semakan Permohonan.**
- b) Membuat bayaran yuran pengesahan penerimaan tawaran dan yuran pendaftaran melalui atas talian (online) FPX.
- c) Membuat pengesahan penerimaan tawaran di laman web **www.kptm.edu.my => Pelawat => Semakan Permohonan => Pengesahan dan Bayaran Yuran Pendaftaran.**
- d) Mendaftar secara atas talian (online) pada tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak kolej.

- 2) Saya telah dimaklumkan oleh pihak kolej bahawa pendaftaran pelajar baharu dilaksanakan sepenuhnya secara online. Bagaimanakah proses pendaftaran tersebut?**

Semua pelajar baharu adalah **DIWAJIBKAN** Login ke **Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP)** di pautan <https://spmpbp.kptm.edu.my/portal/login.asp> bermula **21 November 2020**.

Login – **Username** : No.ID Pelajar (BPN20\*\*\*\*\*), **Password** : No.Kad Pengenalan Pelajar.

**\*Catatan : No.ID pelajar akan DITERIMA oleh pelajar pada 20 November 2020 melalui hebahan yang akan dimaklumkan oleh pihak kolej)**

Pelajar dikehendaki menukar password bagi membuktikan pelajar telah berjaya mendaftar sebagai pelajar KPTM untuk **Sesi November 2020**. Pelajar akan memperolehi email rasmi KPTM (@student.kptm.edu.my) melalui SPMP.

- 3) Dokumen apakah yang diperlukan bagi melengkapkan proses pendaftaran?**

Semua pelajar baharu perlu memuatnaik dokumen yang diperlukan (lengkap dan jelas) di SPMP kolej bermula **21 – 25 November 2020**, Dokumen yang diperlukan adalah seperti senarai berikut:

- 1) Slip Keputusan SPM/ Sijil yang berkaitan
- 2) Salinan slip bayaran yuran pengesahan
- 3) \*Polisi pematuhan yuran
- 4) \*Borang Perakuan Pembayaran
- 5) Muka depan akaun bank (Salinan yang memaparkan Nama, No.K/P dan nombor akaun simpanan)

Bagi item 3-4, salinan borang boleh didapati di **Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu (ms 17-19)**

- 4) Bolehkah saya mendaftar sedangkan saya tidak mengesahkan penerimaan tawaran pada tarikh yang ditetapkan seperti yang dikehendaki dalam surat tawaran?**

Pendaftaran tanpa pengesahan penerimaan tawaran tertakluk kepada kekosongan dan budi bicara pihak pengurusan kolej.

- 5) Saya belum lagi membuat pembayaran yuran pendaftaran (RM 250). Adakah saya boleh mendaftar sebagai pelajar?**

Boleh. Pelajar dibenarkan untuk mendaftar dan diberi masa untuk menjelaskan yuran pendaftaran dalam **tempoh dua (2) minggu** selepas tarikh pendaftaran.

- 6) Bolehkah saya mendaftar jika kelayakan sebenar saya tidak memenuhi syarat kemasukan?**

**TIDAK BOLEH.** Tawaran dengan sendirinya akan terbatal sekiranya anda tidak menepati syarat kemasukan ke KPTM.

- 7) Dokumen Set 1 saya masih ada yang tidak lengkap dan saya belum menjalani pemeriksaan kesihatan. Bolehkah saya mendaftar sebagai pelajar?**

Boleh. Tetapi anda perlu melengkapkan segala keperluan dokumen dan menyerahkannya kepada pihak kolej melalui **serahan tangan (bagi yang tinggal berdekatan)** atau **melalui pos**.

**Tarikh akhir penyerahan dokumen Set 1 ke kolej adalah selewat-lewatnya 2 Januari 2021.**

- 8) Bolehkah saya membuat pertukaran program atau kolej setelah melapor diri?**

Boleh. Walaubagaimanapun bergantung kepada syarat kelayakan untuk program tersebut dan kekosongan tempat serta atas kelulusan pihak kolej.

## **KULIAH**

### **1) Bilakah sesi kuliah akan bermula?**

Sesi kuliah secara atas talian (online) akan bermula pada **23 November 2020 ( Isnin )**.

### **2) Berapakah tempoh masa pengajian bagi mengikuti diploma di KPTM Batu Pahat?**

Tempoh pengajian bagi mengikuti program diploma di KPTM Batu Pahat adalah selama **2 tahun 4 bulan**.

### **3) Bagaimanakah proses pelaksanaan kuliah secara online?**

Pelaksanaan kuliah secara atas talian (online) termasuk medium pembelajaran akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

### **4) Bagaimanakah dengan pendaftaran kursus yang perlu saya ikuti sepanjang tempoh pengajian saya?**

Bagi pelajar baharu, pendaftaran kursus akan diuruskan sepenuhnya oleh pihak akademik kolej. Bagi pelajar kanan/lama, pelajar perlu membuat pra-pendaftaran kursus

### **5) Apakah keperluan lain untuk mengikuti kuliah seperti pembelian buku rujukan dan lain-lain?**

Keperluan buku / modul bergantung sepenuhnya kepada pensyarah kursus. Pelajar boleh merujuk kepada pensyarah kursus masing-masing semasa sesi kuliah bermula.

### **6) Bagaimanakan penyaluran maklumat berkenaan jadual kuliah dan juga peraturan-peraturan akademik kolej?**

Pelajar boleh mengakses jadual kuliah dan Buku Peraturan Akademik tersebut bagi tujuan rujukan dan panduan yang akan dimuatnaik di website KPTM Batu Pahat.

## **PINJAMAN PELAJARAN MARA/PTPTN**

- 1) Bolehkah saya memohon pinjaman MARA/PTPTN bagi membaiayai pengajian di KPTM? Apakah syarat dan kelayakan pelajar untuk memohon pinjaman MARA/PTPTN?**

Boleh. Bergantung kepada kursus serta syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MARA/PTPTN. Ia juga bergantung kepada kelulusan oleh pihak MARA/PTPTN.

### **\* SYARAT-SYARAT PINJAMAN MARA**

- a) Kelayakan SPM dan pelajar berstatus Bumiputera**

SUBJEK WAJIB KREDIT (GRED C) : <b>PROGRAM AB107 &amp; CT108</b>
3 SUBJEK LAIN
LULUS SPM (LULUS BAHASA MELAYU & SEJARAH) ATAU KELAYAKAN SETARAF

- b) Pendapatan sosio ekonomi keluarga**

<b>Jumlah Pendapatan (RM) sebulan</b>	<b>Deskripsi</b>
RM 0 – RM 8,000	Layak yuran pengajian penuh dan elaun sara diri
RM 8,001 – RM 15,000	Pinjaman sebahagian (Yuran pengajian SAHAJA)

### **\* SYARAT-SYARAT PINJAMAN PTPTN**

- a) Kelayakan SPM**

(Lulus SPM dan bersamaan syarat kelayakan masuk program)

- a) Pendapatan sosio ekonomi keluarga**

\*bergantung kepada jumlah pendapatan isi rumah

\*tertakluk kepada terma dan syarat PTPTN

**2) Adakah pinjaman pelajaran MARA / PTPTN termasuk yuran pengajian dan asrama? Berapakah jumlah pinjaman yang diberikan?**

Tidak. Pinjaman pelajaran MARA / PTPTN hanya merangkumi yuran pengajian sahaja. Yuran asrama ditanggung sepenuhnya oleh pihak pelajar. Walau bagaimanapun, jumlah pinjaman untuk yuran pengajian bergantung sepenuhnya kepada taraf sosio ekonomi keluarga.

**3) Alternatif lain sekiranya saya TIDAK LAYAK mendapat pinjaman/bantuan?**

Pelajar boleh memohon ke mana-mana pusat zakat negeri/ pusat baitulmal (bergantung kepada negeri kelahiran/tempat tinggal pelajar masing-masing). Walau bagaimanapun, jumlah bantuan yang diberikan bergantung sepenuhnya kepada pusat zakat / institusi yang dipohon.

**4) Bolehkah saya memohon untuk membuat bayaran yuran pengajian/yuran lapor diri melalui KWSP? Adakah pihak kolej akan membantu?**

Boleh dan pihak kolej akan membantu untuk urusan tersebut dengan membuat surat pengesahan dan pengeluaran surat tawaran kepada pihak KWSP dalam masa **dua (2) minggu** selepas tarikh permohonan.